
INTISARI KEIMANAN KEPADA NABI ﷺ



USTAZ MOHD HAZRI BIN HASHIM AL- BINDANY

INTISARI KEIMANAN KEPADA NABI ﷺ



MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ , وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ الْكَرِيمِ , وَحَبِيبِ رَبِّ الْعَالَمِينَ , مُحَمَّدٍ الْأَمِينَ , وَعَلى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينَ, ثُمَّ أَمَّا بَعْدُ :

Saya amat bersyukur kepada Allah kerana dengan limpahan rahmat, taufik serta hidayah dan inayah-Nya buku kecil ini dapat disiapkan. Buku ini saya namakan INTISARI KEIMANAN KEPADA RASULULLAH SALLALLAHU ‘ALAIHI WASALLAM. Buku ini dipersembahkan kepada kaum muslimin dan muslimat agar dapat memahami dan menghayati maksud dan tuntutan beriman kepada Rasulullah Sallallahu ‘alaihi Wasallam, iaitu Penghulu Para Rasul ‘alaihimussolatu wassalam.

Beriman kepada baginda adalah suatu tuntutan syarak yang jelas dan merupakan salah satu dari rukun iman yang enam. Seringkali kita diingatkan tentang kewajipan mencintai dan mengenali Rasulullah Sallallahu ‘alaihi Wasallam serta hak-hak baginda yang wajib ditunaikan sebagai bukti keimanan kita kepadanya di majlis-majlis sambutan maulid. Namun keterbatasan waktu dan medan membuatkan para asatizah yang menyampaikan ceramah atau tausiyyah tidak dapat mendatangkan satu persatu maklumat berkenaan dengan perkara yang dituntut dalam beriman kepada Rasulullah Sallallahu ‘alaihi Wasallam. Hal itu telah menginspirasikan idea kepada saya yang masih belajar untuk mengumpulkan 30 perkara mengenai iman kepada Rasulullah Sallallahu ‘alaihi Wasallam.

Selain dari aspek keimanan, buku ini juga saya sertakan dengan maklumat-maklumat informatif berkenaan diri Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam iaitu menyentuh lima aspek penting dalam mengenali baginda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam iaitu Nasab, Nama, Syamail, Fadhail dan Sirah.

Semoga apa yang dipaparkan menjadi sebab tercetusnya perasaan kasih, cinta dan hormat kepada Baginda Sallallahu 'alaihi Wasallam serta membuahkan hasil keimanan yang sebenar sehingga kita menjadi sebaik-baik umat yang disebutkan di dalam al-Quran.

Kepada para alim ulama dan ilmuan yang membaca buku kecil ini, diharapkan dapat membetulkan kesalahan dan kelemahan yang ditemui. Saya akui diri ini masih banyak kekurangan dan kelemahan yang sentiasa mengharapkan tunjuk ajar dan bimbingan para ulama dan ilmuan sekalian.

Buat kaum muslimin dan para ikhwan yang membaca buku ini, sudilah kiranya mendoakan kesejahteraan dan keampunan Allah untuk saya, ibu bapa, anak isteri dan guru-guru kami serta siapa sahaja yang terlibat dalam penghasilan buku ini. Semoga Allah meredhai kita semua.

Akhir kata, semoga Allah menganugerahkan barakah, rahmat dan manfaat yang besar buat setiap orang yang membaca buku ini sebagaimana Allah telah menjadikan barakah, rahmat dan manfaat yang besar insan yang dipaparkan dalam buku ini, iaitu Sayyidina Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارَكَ وَسَلَّمَ ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Mohd Hazri bin Hashim bin Yunus bin Hasan al-Bindany

23 Safar1442H bersamaan 11 Oktober 2020

SELAWAT IBRAHIMIAH

(SELAWAT YANG PALING AFDHAL)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Ya Allah berilah selawat kepada Muhammad dan kepada keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim, Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia. Ya Allah, Berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah memberkati Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji (lagi) Maha Mulia.

PENGENALAN

Nabi: Seorang lelaki yang menerima wahyu syariat daripada Allah untuk dilakukan oleh dirinya sendiri tanpa disuruh menyampaikan wahyu-wahyu itu kepada orang lain.

Rasul: Seorang lelaki yang menerima wahyu syariat daripada Allah untuk dilakukan oleh dirinya sendiri dan disuruh menyampaikan wahyu-wahyu itu kepada orang lain.

Wajib beriman bahwa Rasul adalah makhluk yang diutus Allah untuk memberi petunjuk kepada umat manusia.

Wajib beriman secara tafsil dengan 25 orang Rasul yang disebut namanya di dalam al-Quran.

Rasul-Rasul Ulul Azmi: Para rasul yang memiliki gelaran ini adalah disebabkan kesungguhan dan usaha mereka melebihi rasul-rasul yang lain dalam menyampaikan risalah daripada Allah. Mereka seramai 5 orang iaitu:

1. Nabi Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam
2. Nabi Ibrahim A.S.
3. Nabi Musa A.S.
4. Nabi Nuh A.S.
5. Nabi Isa A.S.

Wajib beriman secara ijmal dengan Rasul-rasul yang tidak disebutkan nama-namanya di dalam al-Quran. Iaitu beriman bahawa Allah juga mengutuskan rasul-rasul lain yang tidak disebutkan namanya dalam Al-Quran dan Al-Sunnah di mana bilangan mereka tersangat ramai

Wajib mengetahui sifat wajib, mustahil dan harus bagi para rasul.

Sifat Wajib bagi Rasul: Siddiq (Benar), Amanah, Tabligh (Menyampaikan) dan Fatonah (Bijaksana).

Sifat Mustahil bagi Rasul: al-Kidzib (Berdusta), Khianat, Kitman (Menyembunyikan kebenaran), baladah (bodoh).

Sifat Harus bagi rasul:

Sifat yang harus bagi rasul ialah sifat-sifat yang ada pada manusia biasa seperti makan, minum, berkahwin, tidur dan sakit. Namun demikian, segala sifat yang mereka miliki itu tidak menjejaskan atau menjatuhkan taraf kerasulan mereka.

SELAWAT TAFRIJIYAH

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

"Ya Allah, limpahkanlah selawat dengan selawat yang menyeluruh dan kurniakanlah salam dengan salam yang sempurna ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad yang dengannya dapat merungkai segala ikatan, melepaskan segala kesukaran, melunaskan segala hajat, tercapai segala perkara yang diingini dan kematian yang baik, serta diturunkan hujan (yang menjadi rahmat) disebabkan wajahnya yang mulia." begitu juga selawat dan salam ini diberikan) ke atas ahli keluarga Baginda, para sahabatnya di dalam setiap kerdipan mata dan nafas dengan setiap bilangan yang diketahui olehMu.)

INTISARI KEIMANAN KEPADA RASULULLAH

SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM

Wajib setiap mukallaf mengetahui, meyakini, memperakui bahawa:

1	Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah nabi Allah dan rasul-Nya, hamba Allah yang terpilih dan utusan-Nya yang mulia.

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ ۚ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ ۖ

"Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka."

Surah al-Fath (29)

NASAB AR-RASUL

Baginda ialah Muhammad (Sallallahu 'alaihi wasallam) bin Abdullah bin Abdul Muthalib bin Hasyim bin Abdi Manaf bin Qushai bin Kilab bin Murrah bin Ka'ab bin Luai bin Ghalib bin Fihir bin Malik bin Nadhar bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar bin Nizar bin Ma'ad bin 'Adnan dan Adnan merupakan keturunan daripada Nabi Ismail 'alaihissalam.

Ibuya ialah Aminah binti Wahab bin Abdi Manaf bin Zuhrah bin Kilab sampai seterusnya, iaitu nasab ibu Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam bertemu dengan nasab ayah Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam pada moyangnya Kilab bin Murrah.

2	Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah kesudahan segala nabi dan rasul. Baginda adalah utusan Allah yang terakhir buat umat manusia.

مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَآ أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَـٰكِن رَّسُولَ ٱللَّهِ وَخَاتَمَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمًا

"Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapak dari seorang laki-laki di antara kamu (dengan sebab ada anak angkatnya), tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup nabi-nabi. Dan adalah Allah Maha Mengetahui segala sesuatu"

Surah al-Ahzab (40)

NASAB AR-RASUL

Semulia-mulia nasab keturunan manusia adalah nasab Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Daripada Abi Ammar, Syaddad, Bahawa beliau mendengar Watsilah bin al-Asqa' Radhiyallahu 'anhu berkata:

"aku pernah mendengar Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda: "Allah telah memilih Kinanah dari keturunan Ismail, dan telah memilih Quraysh dari Kinanah, dan telah memilih dari keturunan Quraysh Bani Hasyim, dan telah memilih aku dari Bani Hashim"

[HR. Muslim; 2276]

3	Allah SWT telah mengutuskan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam.

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةً لِّلۡعَٰلَمِينَ

"Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu (Muhammad), melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam"

Surah al-Ambiya' (107)

Maksud rahmat adalah kasih sayang. Alam pula bermaksud seluruh makhluk ciptaan Allah SWT. Dinamakan sebagai Alam kerana ia adalah alamat atau tanda kewujudan, keagungan dan kekuasaan Allah SWT, Tuhan Sekalian Alam.

ASMA' AR-RASUL

Nama-nama Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dari al-hadits.

نَبِيُّ التَّوْبَةِ	نَبِيُّ الرَّحْمَةِ	الْعَاقِبُ	أَحْمَدُ
Nabi Pembuka Pintu Taubat	Nabi Pembawa Rahmat	Nabi Yang terakhir	Ahmad
الْمَاحِي	نَبِيُّ الْمَلَاحِمِ	الْحَاشِرُ	الْمُقَفَّى
Nabi Penghapus kesyirikkan	Nabi Yang terlibat dalam peperangan	Nabi Yang Menghimpunkan	Nabi Yang dimuliakan

4	Baginda diutuskan membawa risalah tauhid yang merupakan kesinambungan risalah para rasul sebelumnya.

Para Rasul itu berdakwah menyeru umat manusia agar menyembah Allah Yang Maha Esa dan meninggalkan perbuatan syirik iaitu menyembah kepada selain Allah samada kepada manusia, jin mahupun sesuatu yang lain termasuk hawa nafsu dan syaitan.

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدُونِ

“Dan Kami tidak mengutus seorang rasulpun sebelum kamu melainkan Kami wahyukan kepadanya: "Bahwasanya tidak ada Tuhan (yang hak) melainkan Aku, maka sembahlah olehmu sekalian akan Aku (Allah)”

Surah al-Ambiya’ (25)

SIRAH AR-RASUL

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam dilahirkan di Mekah pada hari Isnin tanggal 12 haribulan Rabi` al-Awwal, lima puluh malam selepas serangan angkatan tentera bergajah.

Datuknya Abdul Mutthalib telah menamakan baginda dengan nama Muhammad.

Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam disusui oleh Tsuwaibah al-Aslamiyah sesudah disusui oleh ibunya sendiri.

Setelah itu, Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam disusui pula oleh Halimah as-Sa’diyah dan tinggal di perkampungan Bani Sa’ad sehingga berusia empat tahun. Setelah berlaku peristiwa pembelahan dada baginda, halimah telah menghatarnya kembali kepada ibunya.

5	Rasulululllah Sallallahu 'Alaihi Wasallam seorang yang bijaksana. Dakwah dan ajaran baginda penuh hikmah dan kasih sayang.

Kebijaksanaan dan kelembutan dalam dahwah adalah anugerah dan bimbingan Allah kepada baginda secara langsung melalui wahyu-wahyu-Nya.

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُهۡتَدِينَ

"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk"

Surah an-Nahl (125)

SYAMĀIL AR-RASUL

Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam adalah manusia yang paling indah rupanya. Dilihat dari jauh sangat baik dan bercahaya, dan jika dilihat dari dekat menyedapkan mata yang memandangnya.

al-Barra bin 'Azib Radhiyallahu 'anhu pernah berkata:

" Aku tidak pernah melihat seseorang yang berambut panjang kehitaman terurus rapi dengan berpakaian merah yang lebih baik dan tampan dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam"

[HR. Muslim; 2337 dan al-Bukhari; 3551]

6	Rasulululllah Sallallahu 'Alaihi Wasallam seorang yang penyantun, lemah lembut dan penyayang.

Semua sifat-sifat itu adalah kemulian anugerah Allah kepada baginda dalam merealisasikan dahwah penuh rahmat.

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ

"Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya"

Ali-Imran (159)

SIRAH AR-RASUL

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menerima wahyu yang pertama di Gua Hira' ketika berusia 40 tahun. Setelah diangkat menjadi Rasul, Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam berdakwah di Mekah selama 13 tahun, kemudian berhijrah ke Madinah dan tinggal di sana selama 10 tahun.

Sepanjang tempoh 23 tahun tersebut telah diturunkan kepadanya 114 surah al-Quran sebagai pedoman hidup buat ummah.

7 Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah anugerah Allah yang teristimewa buat orang-orang yang beriman.

لَقَدْ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا۟ مِن قَبْلُ لَفِى ضَلَـٰلٍ مُّبِينٍ

"Sungguh Allah telah menganugerahkan kepada orang-orang yang beriman ketika Allah mengutus di antara mereka seorang rasul dari golongan mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, membersihkan (jiwa) mereka, dan mengajarkan kepada mereka Al-Kitab dan Al-Hikmah. Dan sesungguhnya sebelum (kedatangan Nabi) itu, mereka adalah benar-benar dalam kesesatan yang nyata"

Ali-Imran (164)

Apabila manusia beriman dengan dakwah baginda, maka Alam ini juga akan mendapat manfaat di sebalik keimanan tersebut. Itulah rahmat dan hadiah yang besar daripada Allah SWT kepada seluruh alam

Daripada Abu Soleh Radhiyallahu 'Anhu, beliau berkata: "Adalah Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ, إِنَّمَا أَنَا رَحْمَةٌ مُهْدَاةٌ.

"Wahai sekalian manusia! (Ketahuilah) Bahawa sesungguhnya daku ini adalah rahmat yang dihadiahkan (oleh Allah SWT kepada seluruh alam)."

(Hadith riwayat Ad-Darimi, No: 15, Al-Hakim dalam Al-Mustadrak, No: 98, beliau berkata: " Hadith ini adalah sahih dengan mengikut syarat-syarat yang telah digariskan oleh Imam al-Bukhari & Muslim.)

8	Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam adalah seorang yang maksum.

Baginda terpelihara dari melakukan dosa besar mahupun dosa-dosa kecil dan perkara-perkara yang bertentangan dengan akhlak-akhlak yang luhur. Baginda tidak pernah menyembah berhala, tidak pernah menyekutukan Allah. Baginda seorang yang berakhlak mulia sehingga menjadi sebaik-baik ikutan bagi orang-orang yang beriman.

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah”.

Surah al-Ahzab (21)

SYAMĀIL AR-RASUL

“Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam itu sentiasa ceria, baik akhlaknya, bersikap lemah lembut, tidak pernah bersikap kasar, tidak berlebihan dalam ucapan dan tidak pernah berkata yang kotor.

[HR. at-Tirmidzi di dalam as-Syamail, dan ath-Thabrani di dalam al-Kabir ;22:100 dan al-Baihaqi di dalam asy-Syu’b; 2:154]

9	Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah sebaik-baik hamba Allah dalam akhlak dan penampilan.

Pada diri baginda terkumpul semua sifat yang elok dan penampilan yang mulia. Allah telah memuji ketinggian akhlaknya di dalam al-Quran.

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

""Dan bahawa sesungguhnya engkau (Wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia"

Surah al-Qalam (4)

Kemuliaan akhlak baginda sehingga dirinya disifatkan bagai al-Quran.

Hisyam bin Amir pernah bertanya kepada Aisyah RA tentang akhlak Rasulullah SAW. Aisyah menjawab, "Akhlak Nabi SAW adalah Alquran"

[HR Muslim: 746].

FADHĀIL AR-RASUL

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam Bersabda:

أَنَا أَكْرَمُ الأَوَّلِيْنَ وَالآخِرِيْنَ عَلَى اللهِ وَلاَ فَخْرَ

"Aku adalah semulia-mulia dari orang yang terawal dan terakhir yang dimuliakan Allah tanpa ada rasa bangga"

[HR. at-Tirmidzi; 3616]

10	Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam adalah seorang yang adil.

Sesorang itu tidak disifatkan beriman kepada Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam sehingga tunduk, patuh dan redha dengan ketatapan hukum yang telah diputuskan oleh baginda dalam perselisihan sesama manusia.

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا

“Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu (Muhammad) hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya”.

Surah an-Nisa’ (65)

SYAMĀIL AR-RASUL

Baginda meninggalkan atau menghindari dirinya daripada tiga perkara: al-Mira’ (berdebat dan mengaibkan orang lain-pen.), menyombong diri dan meninggalkan apa yang tidak berfaedah buat dirinya.

[HR. at-Tirmidzi di dalam as-Syamail, dan ath-Thabrani di dalam al-Kabir ;22:100 dan al-Baihaqi di dalam asy-Syu’b; 2:154]

11	Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah melaksanakan amanah menyampaikan wahyu – wahyu Allah yang merupakan keterangan, petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

وَمَآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ لَهُمُ ٱلَّذِى ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ
وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

"Dan Kami tidak menurunkan kepadamu Al-Kitab (Al Quran) ini, melainkan agar kamu dapat menjelaskan kepada mereka apa yang mereka perselisihkan itu dan menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman".

Surah an-Nahl (64)

Firman Allah:

الٓر ۚ كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ
بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ

"Alif, laam raa. (Ini adalah) kitab yang Kami turunkan kepadamu supaya kamu mengeluarkan manusia daripada gelap gelita kepada cahaya terang benderang dengan izin Rab mereka, (iaitu) menuju jalan Rab Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji".

Surah Ibrahim (1)

SELAWAT AN-NABIY AL-UMMIY

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

Ya Allah limpahkanlah selawat dan salam kepada Muhammad, hamba dan rasul-Mu, seorang Nabi yang ummiy, dan ke atas ahli keluga serta sahabat-sahabatnya.

12	Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan seluruh para rasul adalah penyampai berita gembira bagi orang yang beriman dan pemberi amaran kepada mereka yang engkar.

وَمَا نُرْسِلُ ٱلْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ۖ فَمَنْ ءَامَنَ
وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٤٨﴾ وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟
بِـَٔايَـٰتِنَا يَمَسُّهُمُ ٱلْعَذَابُ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿٤٩﴾

"Dan tidaklah Kami mengutus para rasul itu melainkan untuk memberikan khabar gembira dan memberi peringatan. Barangsiapa yang beriman dan beramal soleh, maka tak ada kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati. Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, mereka akan ditimpa siksa disebabkan mereka selalu berbuat fasik".

Surah al-An'am (48-49)

SIRAH AR-RASUL

Sesudah ibunya wafat baginda diasuh oleh datuknya Abdul Mutthalib, Beliau sangat mencintai Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam melebihi cintanya kepada anak-anaknya sendiri.

Ketika umur Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam 8 tahun datuknya telah wafat.

Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam diasuh pula oleh bapa saudaranya Abu Thalib. Abu Thalib menjadi penjaga dan pembela baginda sepanjang hayatnya sehinggalah beliau wafat ketika baginda berusia 50 tahun.

13 Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam mengingatkan umat agar beriman dengan semua rasul utusan Allah dan tidak membeza-bezakan di antara mereka dalam aspek keimanan.

Sesorang itu masih belum beriman jika hanya percaya dengan sebahagian rasul dan kufur dengan sebahagian yang lain.

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكۡفُرُونَ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَيُرِيدُونَ أَن يُفَرِّقُواْ بَيۡنَ ٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ وَيَقُولُونَ نُؤۡمِنُ بِبَعۡضٖ وَنَكۡفُرُ بِبَعۡضٖ وَيُرِيدُونَ أَن يَتَّخِذُواْ بَيۡنَ ذَٰلِكَ سَبِيلًا ١٥٠ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡكَٰفِرُونَ حَقّٗاۚ وَأَعۡتَدۡنَا لِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابٗا مُّهِينٗا ١٥١

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir kepada Allah dan rasul-rasul-Nya, dan bermaksud memperbezakan antara (keimanan kepada) Allah dan rasul-rasul-Nya, dengan mengatakan: "Kami beriman kepada yang sebahagian dan kami kafir terhadap sebahagian (yang lain)", serta bermaksud (dengan perkataan itu) mengambil jalan (tengah) di antara yang demikian (iman atau kafir). Merekalah orang-orang yang kafir sebenar-benarnya. Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang kafir itu siksaan yang menghinakan".

Surah an-Nisa' (150-151)

SYAMĀIL AR-RASUL

Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam sendiri yang memberi makan untanya, menyapu rumah, menjahit sandalnya, dan menampal bajunya yang koyak.

[HR. Ahmad; 6:241 dan Ibn Hibban ;5676)]

14 Wajib mentaati Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam.

Mentaati baginda dalam semua suruhan dan tegahan adalah ketaatan kepada Allah.

مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ ٱللَّهَ ۖ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا

“Barangsiapa yang mentaati Rasul itu, sesungguhnya ia telah mentaati Allah. Dan barangsiapa yang berpaling (dari ketaatan itu), maka Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pemelihara bagi mereka”.

Surah an-Nisa’ (80)

Orang yang mentaati Allah dan Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam akan sentiasa dirahmati.

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾

“Dan taatilah Allah dan Rasul, supaya kamu diberi rahmat”.

Surah Ali- ‘Imran (132)

FADHĀIL AR-RASUL

أَنَا مُحَمَّدٌ النَّبِيُّ الْأُمِّيُّ لَا نَبِيَّ بَعْدِي، أُوتِيتُ جَوَامِعَ الْكَلِمِ وَخَوَاتِمَهُ

“Aku adalah Muhammad, seorang Nabi yang ummi, tidak ada Nabi sesudahku, dan aku diberikan Jawami’ al-Kalim (ungkapan yang ringkas namun padat pengertiannya)”

[HR. Ahmad; 2:172]

15 Wajib Mencintai Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam

Kecintaan kepada baginda adalah tuntutan kesempurnaan iman. Bahkan Allah telah menjadikan tuntutan kecintaan kepada-Nya dan kepada baginda disebut beriringan di dalam al-Quran.

قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَٰنُكُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٍ فِى سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ

“Katakanlah: Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khuatiri kerugiannya, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul-Nya dan daripada berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan-Nya, dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang fasik”.

Surah At-Taubah (24)

Maksudnya, apabila semua perkara dan urusan itu lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul-Nya serta berjihad di jalan Allah maka tunggulah datangnya bencana dan azab daripada Allah yang akan menimpa kamu

لاَ يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

"Tidak sempurna iman seseorang dari kamu sehingga dia lebih mencintai aku daripada kedua orang tuanya, anaknya, dan manusia seluruhnya"

[HR. al-Bukhari: 15]

SIRAH AR-RASUL

Ketika umur Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam 12 tahun, Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam bermusafir ke Syam bersama bapa saudaranya Abu Thalib dengan membawa barang dagangan.

Di usia mudanya Baginda mengambil upah mengembala kambing untuk membantu keluarga Abu Thalib.

Ketika berumur 25 tahun Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam sekali lagi bermusafir ke Syam mengetuai kafilah dagang Siti Khadijah.

16	Jalan untuk mencintai Allah Subhanahuwata'ala ialah mengikuti Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dengan penuh rela dan patuh seikhlas hati.

Kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam mestilah diterjemahkan dalam setiap gerak geri dan tingkah laku yang mengikuti apa yang disukai Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan menjauhi apa yang tidak disukainya.

قُلۡ إِن كُنتُمۡ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِي يُحۡبِبۡكُمُ ٱللَّهُ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ

"Katakanlah: "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu". Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

Surah Ali Imran (31)

SYAMĀIL AR-RASUL

Terhadap manusia (orang lain) Baginda meninggalkan tiga perkara: Tidak mencela seseorang pun, tidak mengaibkannya dan tidak mencari-cari keburukan atau kesalahan orang lain. Baginda tidak berbicara kecuali mengharap ada pahalanya"

[HR. at-Tirmidzi di dalam as-Syamail, dan ath-Thabrani di dalam al-Kabir ;22:100 dan al-Baihaqi di dalam asy-Syu'b; 2:154]

Kemanisan iman dicapai dengan mencintai Allah dan Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam.

ثَلاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلاوَةَ الإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لا يُحِبُّهُ إِلا لِلَّهِ وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

“Tiga perkara, sesiapa yang ada padanya, nescaya dia akan mendapat kemanisan iman. (Pertama) Allah dan Rasul-Nya lebih dicintainya daripada sesuatu selain keduanya, dan (Kedua) dia mengasihi seseorang, tidak dikasihinya orang itu melainkan kerana Allah, dan (Ketiga) dia tidak suka kembali kepada kekufuran sepertimana dia tidak suka (dirinya) dicampakkan ke dalam api”

[HR. al-Bukhari: 16]

17	Baginda diutuskan untuk membersihkan amalan-amalan syirik dan maksiat..

Baginda telah menyampaikan ajaran Islam dan mengajar kandungan kitab suci al-Quran dan ilmu-ilmu yang belum diketahui sebelumnya sehingga ajaran itu menjadi penawar buat ummah.

كَمَآ أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْكُمْ ءَايَـٰتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا۟ تَعْلَمُونَ

“Sebagaimana (Kami telah menyempurnakan nikmat Kami kepadamu) Kami telah mengutus kepadamu Rasul (Muhammad) di antara kamu yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan mensucikan kamu dan mengajarkan kepadamu Al Kitab dan Al-Hikmah, serta mengajarkan kepada kamu apa yang belum kamu ketahui”.

Surah al-Baqarah (151)

FADHĀIL AR-RASUL

أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا فَخْرَ، وَبِيَدِي لِوَاءُ الْحَمْدِ وَلَا فَخْرَ

“Aku adalah penghulu anak Adam pada hari kiamat kelak, tanpa ada rasa bangga. Di tangankulah panji kepujian tanpa ada juga kebanggaan (menyebutnya bukan untuk bermegah)”

[HR. at-Tirmidzi; 3148, 3615 dan beliau berkata: Hadis hasan shahih]

18	al-Quran merupakan mukjizat Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang berkekalan.

قُل لَّئِنِ ٱجْتَمَعَتِ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَىٰٓ أَن يَأْتُوا۟ بِمِثْلِ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِۦ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا

"Katakanlah: Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa Al Quran ini, niscaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengan dia, sekalipun sebagian mereka menjadi pembantu bagi sebagian yang lain".

Surah al-Israk (88)

SYAMĀIL AR-RASUL

Abu Hurairah Radhiyallahu 'anhu, menyatakan:

"Tidak pernah aku melihat seseorang yang tampan, setampan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, seumpama matahari beredar diwajahnya (berseri-seri), dan tidak pernah aku melihat seseorang yang lebih cepat jalannya daripada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, seumpama bumi dilipatkan untuknya, kami sudah berusaha mempercepatkan langkah (untuk berjalan secepat itu) sedangkan baginda bersahaja (tidak kepenatan).

[HR at-Tirmidzi; 3647 dan Ahmad; 2 :350]

19 Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam Menerima Al-Quran Dengan Rahmat dan kasih Allah.

وَمَا كُنتَ تَرْجُوٓا۟ أَن يُلْقَىٰٓ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبُ إِلَّا رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۖ فَلَا تَكُونَنَّ ظَهِيرًا لِّلْكَٰفِرِينَ

"Dan kamu (Muhammad) tidak pernah mengharap agar Al Quran diturunkan kepadamu, tetapi Al Quran diturunkan kerana suatu rahmat yang besar dari Rabbmu, sebab itu janganlah sekali-kali kamu menjadi penolong bagi orang-orang kafir".

Surah al-Qasas (86)

SIRAH AR-RASUL

KEHIDUPAN BAGINDA SEBELUM WAHYU

Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam sangat dikenali oleh kaumnya dengan sifat-sifat terpuji seperti: benar, jujur, amanah, sabar, malu, rendah hati, sehingga mereka menggelar Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam dengan gelaran Al-Amin atau orang yang sangat dipercayai.

Kaum dan keluarga Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam sangat mencintai dan menghormati Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Allah telah memelihara Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam dari perbuatan jahiliyah semenjak di usia kecilnya sehingga Baginda tidak pernah meminum arak dan tidak sekali pun sujud untuk menyembah berhala.

20 Ajaran Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam adalah Rahmat dan kasih Allah.

Al-Quran dan seluruh isi kandungannya yang diturunkan kepada Nabi Muhammad **Sallallahu ‘Alaihi Wasallam** adalah rahmat. Ia adalah peringatan dan pengajaran lansung dari Allah buat umat manusia agar selamat di dunia dan akhirat.

أَوَلَمْ يَكْفِهِمْ أَنَّآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَرَحْمَةً وَذِكْرَىٰ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan apakah tidak cukup bagi mereka bahwasanya Kami telah menurunkan kepadamu Al Kitab (Al Quran) sedang dia dibacakan kepada mereka? Sesungguhnya dalam (Al Quran) itu terdapat rahmat yang besar dan pelajaran bagi orang-orang yang beriman”.

Surah al-‘Ankabut (51)

SYAMĀIL AR-RASUL

“Sesungguhnya Allah subhanahu wa ta’ala telah mewajibkan untuk berbuat baik atas segala sesuatu. Jika kalian membunuh, maka bunuhlah dengan cara yang baik. Jika kalian menyembelih, maka sembelihlah dengan cara yang baik. Dan hendaklah salah seorang dari kalian menajamkan pisaunya (ketika hendak menyembelih), dan menyenangkan sembelihannya.”

[HR. Muslim: 1955]

21	Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam terpelihara dari tipu muslihat orang-orang munafik.

Baginda dipelihara dari tipu muslihat orang-orang munafik yang merancang agar baginda tersalah dalam menghakimi. Allah juga menganugerahkan baginda kurniaan yang besar dengan al-kitab, al-hikmah dan ilmu pengetahuan.

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكَ وَرَحْمَتُهُۥ لَهَمَّت طَّآئِفَةٌ مِّنْهُمْ أَن يُضِلُّوكَ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ ۖ وَمَا يَضُرُّونَكَ مِن شَىْءٍ ۚ وَأَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَعَلَّمَكَ مَا لَمْ تَكُن تَعْلَمُ ۚ وَكَانَ فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكَ عَظِيمًا

“Sekiranya bukan kerana kurniaan Allah dan rahmat-Nya kepadamu, tentulah segolongan dari mereka berkeinginan keras untuk menyesatkanmu. Tetapi mereka tidak menyesatkan melainkan dirinya sendiri, dan mereka tidak dapat membahayakanmu sedikitpun. Dan (juga kerana) Allah telah menurunkan Kitab dan hikmah kepadamu, dan telah mengajarkan kepadamu apa yang belum kamu ketahui. Dan adalah karunia Allah sangat besar atasmu”.

Surah an-Nisa’ (113)

FADHĀIL AR-RASUL

وَأَنَا أَوَّلُ مَنْ تَنْشَقُّ عَنْهُ الْأَرْضُ وَلَا فَخْرَ.

“Akulah orang pertama dibangkitkan dari kubur tanpa ada rasa bangga (menyebutnya bukan untuk bermegah)”

[HR. at-Tirmidzi; 3148, 3615 dan beliau berkata: Hadis hasan shahih]

22 Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam sentiasa dipimpin dangan wahyu, taufiq dan hidayah Allah.

وَإِذَا لَمْ تَأْتِهِمْ بِآيَةٍ قَالُوا لَوْلَا اجْتَبَيْتَهَا قُلْ إِنَّمَا أَتَّبِعُ مَا يُوحَى إِلَيَّ مِنْ رَبِّي هَذَا بَصَائِرُ مِنْ رَبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Dan apabila kamu tidak membawa suatu ayat Al-Qur’an kepada mereka, mereka berkata, “Mengapa tidak kamu buat sendiri ayat itu?” Katakanlah, “Sesungguhnya aku hanya mengikut apa yang diwahyukan dari Tuhanku kepadaku. Al-Qur’an ini adalah bukti-bukti yang nyata dari Tuhan kalian, petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.”

Surah al-A’raf (203)

Firman Allah:

وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلْهَوَىٰٓ ۝٣ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْىٌ يُوحَىٰ ۝٤

“dan tiadalah yang diucapkannya itu (Al-Quran) menurut kemauan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)”.

Surah an-Najm (3-4)

SIRAH AR-RASUL

Pada tahun ke 11 kenabian, Allah memuliakan Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dengan Isra’ dan Mi’raj. Baginda telah menerima syariat Solat lima waktu. Di waktu pagi sekembalinya dari Isra’ itu, Jibril telah mengajar Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam tatacara solat dan waktu-waktu solat.

23 Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah nur (petunjuk) kebenaran yang membawa al-Quran sehingga dengannya Allah mengeluarkan umat manusia dari kesesatan.

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمۡ كَثِيرٗا مِّمَّا كُنتُمۡ تُخۡفُونَ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَيَعۡفُواْ عَن كَثِيرٖۚ قَدۡ جَآءَكُم مِّنَ ٱللَّهِ نُورٞ وَكِتَٰبٞ مُّبِينٞ ١٥ يَهۡدِي بِهِ ٱللَّهُ مَنِ ٱتَّبَعَ رِضۡوَٰنَهُۥ سُبُلَ ٱلسَّلَٰمِ وَيُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذۡنِهِۦ وَيَهۡدِيهِمۡ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ

". Hai Ahli Kitab, sesungguhnya telah datang kepadamu Rasul Kami, menjelaskan kepadamu banyak dari isi Al Kitab yang kamu sembunyi kan, dan banyak (pula yang) dibiarkannya. Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah, dan Kitab yang menerangkan. Dengan kitab itulah Allah menunjuki orang-orang yang mengikuti keridhaan-Nya ke jalan keselamatan, dan (dengan kitab itu pula) Allah mengeluarkan orang-orang itu dari gelap gulita kepada cahaya yang terang benderang dengan seizin-Nya, dan menunjuki mereka ke jalan yang lurus".

Surah al-Maidah: (15-16)

SYAMĀIL AR-RASUL

Anas Radhiyallahu 'anhu, berkata:

"Aku tidak pernah menyentuh kain baldu, mahupun sutera yang lebih lembut daripada telapak tangan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, dan aku tidak pernah mencium wangi-wangian yang lebih harum daripada harum wanginya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.

[HR. Ahmad; 3:228) dan al-Bukhari; 3368]

24	Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam tidak berkuasa mendatangkan manfaat dan menolak mudharat, kecuali dengan kehendak Allah. Baginda juga tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib melainkan apa yang telah diwahyukan Allah kepadanya.

قُل لَّآ أَمۡلِكُ لِنَفۡسِي نَفۡعٗا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُۚ وَلَوۡ كُنتُ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ لَٱسۡتَكۡثَرۡتُ مِنَ ٱلۡخَيۡرِ وَمَا مَسَّنِيَ ٱلسُّوٓءُۚ إِنۡ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٞ وَبَشِيرٞ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ

“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Aku tidak berkuasa menarik kemanfaatan bagi diriku dan tidak (pula) menolak kemudharatan kecuali yang dikehendaki Allah. Dan sekiranya aku mengetahui yang ghaib, tentulah aku membuat kebajikan sebanyak-banyaknya dan aku tidak akan ditimpa kemudharatan. Aku tidak lain hanyalah pemberi peringatan, dan pembawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman”.

Surah an-Nahl (64)

FADHĀIL AR-RASUL

Pernah Sayyidina Ali r.a. mengalami sakit mata (ketika persiapan peperangan Khaibar), maka Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam telah berdoa kepada Allah dan meludah ke dalam kedua mata Sayyidina Ali r.a., tiba-tiba matanya yang sakit itu terus sembuh.

[Dari kitab Syyidina Muhammad Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam; Syiekh Abdullah Sirajuddin, Darul Falah Halab Syria.]

25 Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam mendapat teguran dan didikan langsung dari Allah.

Allah telah memberikan pendidikan terbaik kepada Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam sepertimana yang dinyatakan di dalam al-Quran.

خُذِ ٱلْعَفْوَ وَأْمُرْ بِٱلْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿١٩٩﴾

""Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya)".

Surah al-A'raf (199)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

أَدَّبَنِي رَبِّي فَأَحْسَنَ تَأْدِيبِي

"Allah Ta'ala telah mendidikku dengan sebaik-baik didikan"

[Imam Zarkasyi berkata: Makna hadis ini shahih, tetapi tidak ada sanad yang shahih. Imam Ibnul Jauzi telah menyebutkan hadis ini di dalam kitab al-Waahiyaat dan mendhaifkannya, dan telah berkata as-Sakhawi: Hadis ini dhaif. Lihat Faidh al-Qadir (1:255). Menurut Imam as-Sayuthi di dalam kitab al-Jami' ash-Shaghir, beliau menyebut: Hadis ini riwayat Ibn Sam'ani di dalam Adab al-Imla` daripada Ibn Mas'ud Radhiyallahu 'anhu dan hadis ini shahih.]

26 Allah beselawat ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan memerintahkan kita berselawat kepada baginda.

إِنَّ اللَّـهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ ۚ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

"Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.".

Surah al-Ahzab (56)

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

"Perbanyakkanlah berselawat ke atasku pada setiap hari Jumaat. Sesungguhnya selawat yang dibaca oleh umatku akan dibentangkan kepadaku pada setiap hari Jumaat. Barangsiapa yang paling banyak berselawat ke atasku, maka dia akan berada paling hampir denganku (di dalam Syurga)."

[Riwayat al-Baihaqi (5995)]

SYAMĀIL AR-RASUL

Rasulullah pernah mencium Al-Hasan bin Ali, sementara Al-Aqra' bin Habis At-Tamimi sedang duduk di sisi baginda. Maka Al-Aqra' berkata, 'Aku memiliki 10 orang anak, namun tidak ada seorang pun dari mereka yang aku cium.' Kemudian Rasulullah memandangnya, lalu bersabda, 'Siapa yang tidak menyayangi, maka dia tidak akan disayangi.'

[HR. Bukhari dan Muslim].

27	Umat Baginda Sallallahu ‘alaihi Wasallam adalah sebaik-baik Umat.

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ ۗ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُم ۚ مِّنْهُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma´ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik”.

Surah ali-Imran (110)

SIRAH AR-RASUL

Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam sampai ke Quba’ pada hari Isnin, 8 Rabiul Awwal atau 23 September 622 Masehi.

Baginda tinggal di Quba’ selama 4 malam bersama dengan para sahabat Muhajirin dan Ansar dengan aman dan tentram. Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam juga telah mengasaskan pembinaan Masjid Quba’ yang disifatkan dengan masjid yang didirikan atas dasar takwa.

28	Allah Subhanahu Wata'ala telah membatalkan sekalian syariat terdahulu dengan syariat yang telah dibawa oleh Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam. Allah menjanjikan kemenangan buat Islam.

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَرۡسَلَ رَسُولَهُۥ بِٱلۡهُدَىٰ وَدِينِ ٱلۡحَقِّ لِيُظۡهِرَهُۥ عَلَى ٱلدِّينِ كُلِّهِۦ وَلَوۡ كَرِهَ ٱلۡمُشۡرِكُونَ ٣٣

"Dialah yang telah mengutus Rasul-Nya (dengan membawa) petunjuk (Al-Quran) dan agama yang benar untuk dimenangkan-Nya atas segala agama, walaupun orang-orang musyrikin tidak menyukai".

Surah at-Taubah (33)

FADHĀIL AR-RASUL

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ صَلَوَاتٍ، وَحَطَّ عَنْهُ عَشْرَ خَطِيئَاتٍ

"Sesiapa yang berselawat kepadaku satu kali, maka Allah berselawat kepadanya sepuluh kali selawat, dan akan dihapuskan sepuluh kesalahannya".

[HR. an-Nasai; 1297, Ahmad; 3:102]

29	Menziarahi Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam adalah sebahagian daripada ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah.

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَّلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ جَآءُوكَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ ٱللَّهَ وَٱسْتَغْفَرَ لَهُمُ ٱلرَّسُولُ لَوَجَدُوا۟ ٱللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا ﴿٦٤﴾

“Dan Kami tidak mengutus seseorang rasul melainkan untuk ditaati dengan seizin Allah. Sesungguhnya jikalau mereka ketika menganiaya dirinya datang kepadamu, lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulpun memohonkan ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang”.

Surah an-Nisa’ (64)

FADHĀIL AR-RASUL

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam telah bersabda:

مَنْ حَجَّ فَزَارَ قَبْرِي بَعْدَ وَفَاتِيْ فَكَأَنَّمَا زَارَنِي فِي حَيَاتِي

“Sesiapa yang telah mengerjakan haji, lalu menziarah kuburku setelah kewafatanku, maka seolah-olah dia telah menziarahiku semasa hayatku”.

[HR. ath-Thabarani di dalam al-Kabir; 12:406 dan al-Ausath; 3:351, Darqutni; 2:278, al-Baihaqi di dalam Sunan al-Kabir; 5:246 dan Syu’ab; 3:488]

30	Kerugian yang nyata buat mereka yang memilih selain dari agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

وَمَن يَبۡتَغِ غَيۡرَ ٱلۡإِسۡلَٰمِ دِينٗا فَلَن يُقۡبَلَ مِنۡهُ وَهُوَ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ مِنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ٨٥

"Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak tergolong dari kalangan orang-orang yang rugi".

Surah Ali-Imran (85)

SIRAH AR-RASUL

Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam wafat di Madinah pada tahun kesebelas hijrah di usia lebih kurang 63 tahun dan dimakamkan di Madinah al-Munawwarah.

PENUTUP

Beriman dengan Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam termasuklah di dalamnya beriman kepada sekalian nabi dan Rasul, malaikat a.s., semua kitab yang diturunkan, dan hari akhirat kerana Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam datang dengan hujjah yang jelas kebenaran segala yang tersebut.

Semoga Allah SWT dengan limpahan rahmat-Nya, berkenan menganugerahkan kita keimanan dan kecintaan yang terhadap Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam sebagaimana yang selayak dan sewajarnya.

Sama-sama buktikan keimanan dan cinta ini dengan menghidupkan Sunnah Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam, moga kita semua dikumpulkan bersama baginda di Syurga Allah.

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam telah bersabda:

مَنْ أَحْيَا سُنَّتِي فَقَدْ أَحَبَّنِي، وَمَنْ أَحَبَّنِي كَانَ مَعِي فِي الْجَنَّةِ

“Sesiapa yang menghidupkan sunnahku, maka sungguh dia mencintaiku, dan sesiapa yang mencintaiku, maka dia akan bersamaku di dalam syurga”.

[HR. at-Tirmidzi; 2678, beliau berkata: Hadis ini Hasan Gharib]

RUJUKAN:

1. Tafsir Pimpinan ar-Rahman, Syeikh Abdullah Basmeih, Darulfikir, Kuala lumpur.
2. Shahih Muslim bi Syarh an-Nawawi, Dar Ihya at-Turats al-'Arabi , Beirut.
3. as-Syifa Bita'rifi Huquqi al-Musthofa, al-Qadhi 'Iyahd, Dar al-Fikir, Beirut, 2003.
4. Dzaujatur-Rasulullah, karya Amru Yusuf, Penerbit Darus-Sa'abu, Riyadh
5. al-Ajwibah al-GHaliyah Fi 'aqidah al-Firaq an-Najiyah, Habib Zainal Abidin bin Ibrahim bin Smaith al-Alawi al-Husaini, Terjemahan; H.M Fadlil Sa'id An-Nadhawi, Kahlista, Surabaya, 2008.
6. ar-Rasul, Sa'id Hawa, Dar as-Salam, al-Qaherah, 1990.
7. Nur al-Yaqin Fi Sirati Sayyidil Mursalin, Muhammad Khadhari Bek, al-Maktabah al-Masriyyah, Beirut, 2000.
8. al-Ibar bi Ba'dhi mu'jizat Khair al-Basyar; Syiekh Muhammad Nuruddin al-Banjari al-Makki, Maahad Az-Zeen, Bogor, 1996.
9. Habibullah; Terjemahan as-Syamail al-Muhammadiyyah, Ustaz Mohd Hazri bin Hashim al-Bindany, Dunia Ilmu Tijarah, Batu Caves, Selangor, 2012.
10. 40 Kemuliaan dan Kehebatan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. dari al-Quran dan al-Hadis, Ustaz Mohd Hazri bin Hashim al-Bindany, M&N Calssic Ventures Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2013.
11. Syyiduna Muhammad Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam, Syiekh Abdullah Sirajuddin, Darul Falah Halab

NOTA

NOTA

Beriman kepada baginda adalah suatu tuntutan syarak yang jelas dan merupakan salah satu dari rukun iman yang enam. Seringkali kita diingatkan tentang kewajipan mencintai dan mengenali Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam serta hak-hak baginda yang wajib ditunaikan sebagai bukti keimanan kita kepadanya di majlis-majlis sambutan maulid. Namun keterbatasan waktu dan medan membuatkan para asatizah yang menyampaikan ceramah atau tausiyyah tidak dapat mendatangkan satu persatu maklumat berkenaan dengan perkara yang dituntut dalam beriman kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam. Hal itu telah menginspirasikan idea kepada saya yang masih belajar untuk mengumpulkan 30 perkara mengenai iman kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam.

Selain dari aspek keimanan, buku ini juga saya sertakan dengan maklumat-maklumat informatif berkenaan diri Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam iaitu menyentuh lima aspek penting dalam mengenali baginda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam iaitu Nasab, Nama, Syamail, Fadhail dan Sirah.



USTAZ MOHD HAZRI BIN HASHIM AL-BINDANY
PEMBIMBING MAJLIS TA'LIM DARUL MUHAJIRIN